



**Segar • Progresif • Diyakini**  
**AKHBAR PALING PANTAS BERKEMBANG DI MALAYSIA**



**PEKA beri bantuan makanan kepada Orang Asli di Gua Musang, Kelantan »19**

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

www.kosmo.com.my

RABU 21 FEBRUARI 2018

RM1

BIL: 150 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

**Taj (Innuendo), Osh (Firdaus) mahu ambil tindakan undang-undang ke atas Farid Kamil »8**

## Pengayuh basikal Kayuh Adventure meninggal dunia dalam nahas jalan raya



INILAH lokasi kemalangan yang mengorbankan Allahyarham Sheikh Kharleez di Kilometer 445.8, Lebuhraya Utara-Selatan menghala utara di Rawang malam kelmarin.

PENGAYUH basikal muda, Sheikh Kharleez Bamadhaj Jaffar, 26, yang pernah melakukan ekspedisi amal Kayuh Adventure secara solo dari Kuala Lumpur ke Kuming, China pada tahun 2014 meninggal dunia dalam nahas jalan raya ketika mahu pulang ke rumahnya di Rawang, Selangor malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Ali Ahmad berkata, kemalangan berlaku pada pukul 11.45 malam selepas Kharleez yang menunggang motosikal Kawasaki Ninja telah

hilang kawalan lalu terbabas dan terjatuh di atas jalan raya sebelum dilanggar sebuah kereta Proton Saga di Kilometer 445.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara.

Allahyarham Sheikh Kharleez mencipta sejarah tersendiri apabila menamatkan ekspedisi Kayuh Adventure dengan merentasi lima buah negara termasuk Malaysia, Thailand, Vietnam, Laos dan China sejauh 4,593 kilometer dalam tempoh 67 hari bermula 25 Oktober hingga 31 Disember 2014.

» LAPORAN DI MUKA 7



ALLAHYARHAM SHEIKH KHARLEEZ mengibarkan Jalur Gemilang sebaik tiba di Kuming, China pada tahun 2014 ketika melakukan ekspedisi amal Kayuh Adventure secara solo.

## Kertas Kabinet disediakan tangani kes-kes mati lemas



AHMAD ZAHID

### Kerajaan arah NIOSH cari penyelesaian jangka panjang atasi kes mati lemas di seluruh negara

DATUK Seri Ahmad Zahid Hamidi telah mengarahkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menghasilkan kertas kerja Kabinet bagi menangani kejadian lemas dalam air sehingga meragut nyawa yang semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kertas kerja itu yang bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian dalam jangka panjang akan dibentangkan Menteri

Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot kepada mesyuarat Jemaah Menteri bagi membincangkan isu berkenaan dengan teliti. "Saya telah meminta supaya NIOSH menyediakan kertas kerja Kabinet mengenai masalah ini yang bukan sahaja berlaku di Pantai Timur malah di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan prapelancongan Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) ke-16 serta Pameran

Antarabangsa Bagi Keselamatan di Asia (Natsec) di Kuala Lumpur semalam.

Terbaharu, mayat lima pemancing ditemui selepas hilang dibawa arus deras di Sungai Gasi berhampiran Kem Sungai Buloh, Selangor malam kelmarin. Di Kuantan pula, dua rakan ditemui mati lemas di Air Terjun Bukit Berkelah dekat Gambang semalam manakala seorang kaki judi ditemui mati lemas selepas terjun ke dalam Sungai Ampang Jajar, Alor Setar, Kedah.



Satu mat, empat kaki pancing lain dihantui mati lemas

KERATAN Kosmo! semalam.



SELANGOR

ANGGOTA bomba mengangkat mayat salah seorang daripada lima pemancing yang ditemui mati lemas di Sungai Gasi, Sungai Buloh semalam.



KUANTAN

ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat mangsa lemas dari tingkat tujuh Air Terjun Bukit Berkelah di Gambang semalam.

» BERITA DI MUKA 2 & 3



SATU nota ditampal mengenai penutupan sebuah restoran KFC di Coalville, Britain kelmarin.

## Restoran KFC di Britain ditutup kerana tidak dapat bekalan ayam dari Jerman

RANGKAIAN restoran makanan segera Amerika Syarikat, Kentucky Fried Chicken (KFC) menutup beratus-ratus restorannya di United Kingdom (UK) ekoran kegagalan syarikat penghantaran DHL dari Jerman untuk menghantar bekalan ayam segar seperti biasa.

Syarikat KFC dalam satu kenyataan memberitahu, lebih 700 daripada 900 restorannya di seluruh UK terpaksa ditutup sejak hujung minggu lalu dengan sebilangan kedai lain menawarkan menu terhad dan ditutup lebih awal.

» BERITA PENUH DI MUKA 48